

06/05/1998

Kerajaan jamin tidak buang pekerja

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan memberi jaminan tidak memberhentikan kakitangannya atau menyekat bayaran gaji kepada mereka, walaupun pendapatan kerajaan dijangka berkurangan akibat kegawatan ekonomi.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata berdasarkan unjuran pendapatan kerajaan setakat ini, tiada kakitangan awam akan dibebankan dengan tindakan itu.

"Kerajaan mampu membayar gaji kakitangan awam berikutan langkah-langkah penjimatan yang dilaksanakan sejak kegawatan ekonomi bermula pertengahan tahun lalu.

"Wang hasil daripada penjimatan itu akan digunakan bagi membayar gaji kakitangan awam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pentadbir Tanah Ketujuh, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kemungkinan kerajaan terpaksa memberhentikan kakitangannya akibat keadaan ekonomi yang kurang baik ketika ini.

Sebelum ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata gaji kakitangan awam tidak akan dinaikkan kerana pendapatan kerajaan hasil cukai tahun ini dijangka berkurangan berikutan kegawatan ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, keuntungan yang diperoleh syarikat kini berkurangan berbanding dulu dan keadaan itu menyebabkan jumlah cukai yang dibayar kepada kerajaan juga semakin kecil.

Abdul Halim berkata, setakat ini belum ada kakitangan awam yang diberhentikan atas sebab ekonomi.

Menurutnya, sehingga kini kakitangan awam menamatkan perkhidmatan atas sebab biasa seperti bersara atau memilih untuk berbuat demikian khususnya membabitkan kakitangan agensi kerajaan yang dikorporat atau diswastakan.

"Kita memberi jaminan bahawa perkara yang dialami pekerja swasta, yang ada di antaranya diberhentikan tanpa kerelaan, tidak akan berlaku kepada kakitangan kerajaan.

"Kita sedar akan kebimbangan kakitangan awam, tetapi mereka tidak perlu khuatir," katanya.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) baru-baru ini melaporkan bahawa kira-kira 500,000 pekerja akan diberhentikan menjelang akhir tahun ini. Daripada jumlah itu, 300,000 pekerja adalah dari sektor pembinaan, manakala selebihnya membabitkan pekerja industri.

Bagaimanapun, Abdul Halim menjelaskan kerajaan tidak mengisi jawatan kosong yang ada di pelbagai agensi dan jabatan kerajaan sehingga keadaan mengizinkan.

(END)